



Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

5

年級

Ng Jia Wei
Norelyssa Ramli

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format **UASA** Ujian Akhir Sesi Akademik terkini
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Tema 3**Pastikan Selamat
di Mana-mana**

Buku Teks (m.s. 42 ~ 56)

Bahagian A**Tatabahasa****Soalan 1 dan 2**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pihak polis telah berjaya _____ ^(犯罪的人) yang paling ^很 ^{被需要} di kawasan ^{草丛} semak itu.

- A ditangkap
- B tangkapan
- C penangkap
- D menangkap

2. "Mengapakah _____ tidak membawa buku teks ke kelas hari ini?" tanya Cikgu Alia kepada murid-muridnya.

- A engkau ^你
- B kalian ^{你们}
- C anda ^你
- D awak ^你

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3.

- A Hujan turun dengan lebat sepanjang malam semalam. ^{下大雨}
- B Mereka sedang memandu basikal dengan perlahan-lahan.
- C Kami telah pergi ke pantai esok apabila cuaca ^{天气} mengizinkan. ^{允许}
- D Tarikh tutup Pertandingan Video Kreatif ialah ^(pada minggu hadapan.) ^{在下个星期}

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku teringat saat ayah menghantar aku ke sekolah. Ayah sentiasa memastikan motosikalnya dalam keadaan baik sebelum menghantarku. Ayah juga akan memakaikan topi keledar di kepala aku. Ketika membonceng, aku akan memeluk erat pinggang ayah. Ayah sangat mementingkan keselamatan di jalan raya.

Aku bergesa seronok kerana sentiasa tiba awal di sekolah. Selain itu, aku juga dapat menikmati suasana pagi. Terima kasih ayah dan motosikalnya yang banyak berjasa kepada kami.

4. Apakah yang dilakukan oleh ayah sebelum menghantar "aku" ke sekolah?
 - A Memakai topi keledar untuk dirinya sahaja
 - B Memeluk erat pinggang "aku" sebelum bertolak ke sekolah
 - C Mengelak daripada berada pada kedudukan titik buta pemandu kereta
 - D Memastikan motosikalnya sentiasa dalam keadaan baik dan memakaikan topi keledar di kepala "aku".
5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
 - A Ayah selalu menghantar "aku" ke sekolah dengan kereta.
 - B "Aku" tidak suka menunggang motosikal bersama ayah.
 - C Ayah sentiasa mementingkan keselamatan di jalan raya ketika menunggang motosikal.
 - D "Aku" selalu lewat tiba ke sekolah ketika menaiki motosikal ayah.
6. Berikut ialah sikap ayah berdasarkan petikan. kecuali
 - A Ayah memastikan motosikalnya berada dalam keadaan baik.
 - B Ayah sering memandu dengan laju di jalan raya.
 - C Ayah memakaikan topi keledar di kepala "aku".
 - D Ayah mementingkan keselamatan di jalan raya.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PANDUAN KESELAMATAN SEMASA PETIR

Petir ialah cahaya yang terang. Petir biasanya disertai dengan bunyi guruh yang kuat dan kilat. Kilat pula merupakan nyah cas elektrik di ruang atmosfera yang sering berlaku ketika (ribut petir.) Malaysia merupakan antara negara yang paling banyak berlaku ribut petir.

Lindungi Diri

- > Berlindung di dalam bangunan atau tempat yang tertutup
- > Duduk di dalam kenderaan sekiranya anda berada di luar bangunan
- > Elakkan diri daripada melakukan aktiviti di luar
- > Elakkan berlindung di bawah pokok, pondok, bangsal dan tempat yang kecil
- > Elakkan berada di tempat yang tinggi dan lapang

Peralatan Elektrik

- > Pastikan suis peralatan elektrik dalam keadaan terpadam
- > Elakkan menyentuh objek yang mempunyai sifat pengaliran yang baik
- > *Berhati-hati* semasa menggunakan komputer, telefon bimbit dan menonton televisyen

BAHAN 2

KUALA LUMPUR, 23 Disember – Seorang lelaki maut disambar petir ketika menggunakan telefon bimbit di rumahnya petang semalam. Kejadian berlaku ketika Farhan Husin, 28, bersendirian di rumah. Kematiananya disedari oleh rakan serumahnya, Kamarul Arifin Basri, 29, yang baru pulang dari tempat kerja pada sekitar 6:30 petang.

Menurut Kamarul Arifin, Farhan pulang lebih awal kerana tidak sihat. Sebelum kejadian, bekalan elektrik di rumah terputus akibat dentuman petir yang kuat dan hujan lebat. Farhan ditemui terbaring di bilik dengan kesan terbakar pada tangan dan telefon bimbitnya serta pengecas telefon. Pihak polis menasihatkan orang awam supaya *berhati-hati* ketika menggunakan telefon bimbit dan peralatan elektrik ketika ribut petir.

7. Farhan ditemui terbaring di bilik dengan kesan **痕迹**

- A lebam. **黑青**
- B terbakar. **烧起**
- C calar. **抓伤**
- D tiada. **没有**

8. Seorang lelaki maut disambar petir ketika menggunakan telefon bimbit di rumahnya petang semalam.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
- B bilah.
- C buah.
- D batang.

9. Perkataan *berhati-hati* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan

- A berani.
- B berwaspada.
- C cuai. **粗心**
- D gopoh. **匆忙**

10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.

- A Kamarul Arifin dan Farhan merupakan adik-beradik.
- B Digalakkan menonton televisyen semasa berlaku ribut petir.
- C Kejadian mangsa disambar petir berlaku pada waktu petang 22 Disember.
- D Kita boleh berlindung di dalam kenderaan semasa petir jika berada di luar bangunan.

Bahagian B**Pemahaman Petikan dan Tatabahasa****Soalan 1**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada suatu hari, Liza tinggal bersendirian di rumah kerana ibu dan ayahnya ke bandar. Dia tidak mengikut ibu dan ayahnya kerana mahu menyiapkan tugas yang diberikan oleh Cikgu Ainon. Ibu telah berpesan agar Liza mengunci pintu dan tidak membenarkan orang yang tidak dikenali memasuki rumah.

Ketika hendak mengambil air minuman, tiba-tiba Liza ternampak seekor ular sawa di belakang rak pinggan. Dia segera menghubungi ibu dan ayahnya untuk memaklumkan tentang kejadian tersebut. Mereka kemudian menghubungi anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) untuk mendapatkan bantuan. Tidak lama kemudian, ular itu berjaya ditangkap. Liza dan keluarganya mengucapkan terima kasih atas bantuan yang dihulurkan oleh APM.

1. (a) Liza tidak mengikut ibu dan ayahnya ke bandar kerana _____

(b) Nyatakan pesanan ibu kepada Liza.

- (c) *Bulatkan satu kata bantu yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Ketika hendak mengambil air minuman, tiba-tiba Liza ternampak seekor ular sawa di belakang rak pinggan.

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Mereka kemudian menghubungi anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) untuk mendapatkan bantuan.

Anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) menghubungi mereka untuk meminta bantuan.	
Anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) kemudian dihubungi oleh mereka untuk mendapatkan bantuan.	

→ 正在 sedang
 kata → 将要 akan
 bantu \ 还没 belum
 \ 已经 sudah / telah

Bahagian B: Respons Kritis dan Kreatif

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu sedang bersenam di tepi padang. Kamu melihat rakan-rakan kamu sedang bermain bola sepak di padang tanpa memakai kasut berhampiran dengan tiang gol yang sudah reput. 腐烂

2. Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang boleh dilakukan?

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang kebakaran.

Tuliskan pendapat kamu tentang punca-punca kebakaran di rumah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.


Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Bahagian D

Penulisan Karangan

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



- penjagaan keselamatan di rumah
- menyimpan alat yang tajam di tempat yang selamat
- menghidupkan suis / mengelakkan...renjatan elektrik
- memasang kamera litar
- memastikan pintu sentiasa dikunci
